



24 DEC, 2024

Pacu projek biometana di Malaysia

ventureTECH

Sinar Harian, Malaysia

Page 1 of 2

FOTO: VENTURETECH



Kerjasama kedua-dua syarikat berkenaan bakal memberi sumbangan besar terhadap matlamat TBB Malaysia, memupuk pertumbuhan mampan dan mengukuhkan komitmen negara untuk mengurangkan pelepasan karbon.

Pacu projek biometana di Malaysia

VentureTECH, MTC Orec
jalin kerjasama strategik

PUTRAJAYA

VentureTECH Sdn Bhd (VentureTECH) dan MTC Orec Sdn Bhd (MTC Orec) menjalin kerjasama strategik bagi memacu pembangunan loji biometana MTC Orec, sekali gus memperkukuh komitmen terhadap pertumbuhan mampan serta inovasi tenaga boleh baharu (TBB).

Dalam kenyataan bersama, kedua-dua syarikat itu menyatakan, pelaburan VentureTECH adalah bagi memudah cara pembangunan loji biometana di wilayah utara dan timur Malaysia.

Pelaburan itu akan membolehkan pelaksanaan projek biometana de-

ngan kerjasama pemain minyak dan gas terkemuka yang dijadualkan bermula tahun depan.

Usaha berkenaan dijangka memberi sumbangan besar terhadap matlamat TBB Malaysia, memupuk pertumbuhan mampan dan mengukuhkan komitmen negara untuk mengurangkan pelepasan karbon, kata kenyataan itu.

Ketua Pegawai Eksekutif VentureTECH, Ahmad Redzuan Sidek berkata, pelaburan itu memaparkan kesungguhan syarikat menyokong perniagaan yang berwawasan dan mengutamakan kemajuan masa depan selain menyumbang ke atas pertumbuhan ekonomi dan kelestarian alam sekitar.

“Kerjasama ini tidak hanya akan mengurangkan pelepasan karbon dan menggalakkan penggunaan TBB, tetapi turut mewujudkan peluang besar kepada syarikat bumi-

putera dan komuniti tempatan.

“Usaha bersama ini membolehkan kita membuka jalan bagi landskap tenaga lebih mampan dan inklusif,” katanya.

Sementara itu, Pengerusi MTC Orec, Ir Dr Norshah Hafeez Shuaib menyifatkan pelaburan tersebut sebagai bukti terhadap kepercayaan dan keyakinan VentureTECH ke atas visi serta kemampuan syarikat berkenaan.

“Ini akan memperkasakan kami untuk meningkatkan lagi operasi, menyampaikan projek biometana serba maju dan memberi sumbangan bermakna kepada pemeliharaan alam sekitar dan pembangunan luar bandar.

“Bersama dengan VentureTECH, kami menetapkan penanda aras baharu untuk penyelesaian tenaga mampan yang akan memberi manfaat kepada generasi akan datang,” katanya. - *Bernama*



24 DEC, 2024

Pacu projek biometana di Malaysia

Sinar Harian, Malaysia

venture**TECH**

Page 2 of 2

SUMMARIES

VentureTECH, MTC Orec jalin kerjasama strategik PUTRAJAYA VentureTECH Sdn Bhd (VentureTECH) dan MTC Orec Sdn Bhd (MTC Orec) menjalin kerjasama strategik bagi memacu pembangunan loji biometana MTC Orec, sekali gus memperkukuh komitmen terhadap pertumbuhan mampan serta inovasi tenaga boleh baharu (TBB).Dalam kenyataan bersama, kedua-dua syarikat itu menyatakan, pelaburan VentureTECH adalah bagi memudah cara pembangunan loji biometana di wilayah utara dan timur Malaysia.